

KEROHANIAN SEJAGAT: SATU PERSPEKTIF TERHADAP AJARAN UNIVERSAL SUFISM

Nozira Salleh, Faudzinaim bin Hj. Badaruddin & Dato' Zakaria Stapa
Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
Email: Nozira.Salleh@gmail.com

Diterima tgl, 05-07-2014, disetujui tgl 1-08-2014

Abstract: Universal spiritual teachings are still neglected by most Islamic scholars due to the thought that the teachings do not have a great influence to Muslims. But in reality, these teachings won the hearts of Muslims in many Islamic countries such as Indonesia, Turkey, Pakistan and others. Therefore, this article attempts to describe this fact by focusing the discussion on the teachings of Universal Sufism, as one of the universal spiritual teachings that are increasingly getting attention of Muslims in particular and mankind in general. The description also involves the assessments based on the Quran as the main guide of Muslims, which is expected to establish a clear understanding of Muslims about the spiritual teachings that are justified and not justified by the Islamic Shari'a.

Abstrak: Ajaran kerohanian sejagat atau kerohanian dunia merupakan ajaran yang kurang diberi perhatian oleh sesetengah sarjana Islam kerana berfikir ia tidak begitu hebat kesannya kepada umat Islam. Namun realitinya, ajaran ini dikatakan telah berjaya menawan hati-hati umat Islam di banyak negara-negara Islam seperti Indonesia, Turki, Pakistan dan lain-lain lagi. Justeru itu, artikel ini cuba mendeskripsikan dengan menumpukan perbincangan kepada ajaran *Universal Sufism*, sebagai salah satu ajaran kerohanian sejagat yang kian mendapat perhatian umat Islam secara khususnya dan seluruh manusia secara umumnya. Deskripsi tersebut melibatkan juga penilaian berdasarkan al-Quran sebagai garis panduan asas buat umat Islam, di mana ia diharap dapat membentuk kefahaman umat Islam secara jelas terhadap ajaran kerohanian yang dibenarkan dan tidak dibenarkan oleh Syariat Islam

Keywords: kerohanian, ajaran universal, ibadat, ajaran

Pendahuluan

Pada zaman moden ini, setiap manusia berhadapan dengan pelbagai tekanan dan masalah yang terpaksa dihadapinya secara rela atau tidak rela. Masalah kerja, keluarga, keuangan, kesehatan, pendidikan, anak-anak dan lain-lain lagi merupakan sebahagian masalah yang senantiasa melanda manusia. Maka, setiap manusia dipercayai sangat memerlukan sesuatu perkara yang dapat mendamai dan menenangkan jiwa mereka walaupun seketika. Ada di kalangan mereka yang memilih berlibur, ada juga yang memilih hiburan dan ada juga yang lebih suka memilih ajaran-ajaran kerohanian tertentu sebagai alternatif terbaik untuk meredakan dan menghilangkan tekanan hidup yang dihadapi. Rentetan daripada itu, ajaran-ajaran yang berbentuk kerohanian sejagat kian mendapat perhatian di kalangan manusia secara umumnya dan umat Islam secara khususnya. Ajaran tersebut berkembang di pelbagai negara dan di kalangan pelbagai masyarakat dengan nama dan gelaran yang pelbagai seperti *Universal Spirituality for World Peace, the Association for Global New Thought, Universal Sufism* dan banyak lagi.

Ajaran *Universal Sufism* merupakan salah satu ajaran kerohanian sejagat yang muncul di Barat pada tahun 1910. Ia adalah satu ajaran kerohanian yang tidak mempunyai sebarang ikatan dan batasan dengan mana-mana agama, bangsa dan negara, malah ajarannya melingkupi setiap elemen tertentu daripada semua agama utama dunia seperti Islam, Kristian, Hindu dan Buddha. Oleh sebab itu, ajaran tersebut disebut sebagai ajaran perpaduan dan kebebasan spiritualiti.¹

Pada tahun 1926, yaitu tahun kematian Inayat, para pengikut ajaran *Universal Sufism* ini telah dikhabarkan telah mencecah beribu-ribu orang yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan negara. Begitu juga dengan tahun-tahun selepas itu dan sehingga kini, para pengikutnya semakin bertambah dari hari ke hari termasuk juga orang-orang Islam. Maka, hal ini sangat membimbangkan kerana ajaran Inayat ini kurang diberi perhatian yang serius oleh para sarjana dan cendekiawan Islam, walaupun strategi-strategi penyebaran ajarannya sangat aktif dengan memunculkan pelbagai gerakan kerohanian seperti *the International Sufi Movement* dan *the Sufi Ruhaniat International*, serta juga banyak laman sesawang yang menyediakan perkhidmatan untuk memberi kefahaman tentang ajaran Inayat kepada orang awam seperti *www.sufi message.com*, *wahiduddin.net*.

Latar Belakang Ajaran *Universal Sufism*

Ajaran *Universal Sufism* merupakan satu ajaran kerohanian yang telah diperkenalkan dan diasaskan oleh Inayat. Beliau berasal daripada keluarga Muslim, bangsawan, ahli muzik dan ahli falsafah. Beliau dilahirkan pada tahun 1886 di Baroda, India. Namun begitu, beliau telah mengembangkan ajaran kerohanian universal ini di Barat daripada tahun 1910 sehinggalah tahun 1926. Ini disebabkan kerana beliau terpengaruh dengan idea yang telah dicetuskan oleh Gurunya; Abu Hasyim Madani agar memperkenalkan satu ajaran yang berbentuk kerohanian universal kepada orang Barat dengan tujuan untuk menyatukan antara dunia timur dan barat setelah lama hubungan kedua-duanya berada dalam keadaan yang tidak harmoni. Ia dapat dilihat pada kata-kata Gurunya:

“...anakku, harmonikanlah Timur dan Barat dengan keharmonian seni muzik. Sebarkanlah hikmah kerohanian di luar negara, matlamat ini telah dikurniakan kepada kamu oleh Allah Yang Maha Mengasihani dan lagi Maha Penyayang”(Graham 2001).²

Ilham untuk menyebarkan ajaran berbentuk ini juga tercetus apabila beliau pernah mengikuti rombongan persembahan muzik klasik India di Barat. Beliau telah menyaksikan gaya hidup orang barat yang berkecamuk dengan kesibukan bekerja dan mengurus kehidupan harian tanpa ada sedikit riak ketenangan dan kedamaian pada wajah-wajah mereka. Justeru itu, beliau percaya bahawa mereka perlu diberi sesuatu yang berbentuk kerohanian untuk kedamaian hidup. Ajaran kerohanian beliau juga bersumber inspirasi

¹ Inayat Khan, *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Pnyt. Barrie & Jenkins. Vol. 1. (Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement, 1973).

² Donald A. Graham. *Spreading the wisdom of Sufism: the career of Pir-o-Murshid Inayat Khan in the West*. Dalam Pirzade Zia Inayat Khan (pnyt.). *A pearl in wine*. Hlm.127-160. (New Lebanon: Omega Publications, 2001).

daripada tarekat *Nizamiyyah*; salah satu cabang daripada tarekat *Chistiyyah*³. Selain itu, ajaran ini juga terpengaruh dengan kitab *Vedanta*⁴ dan falsafah *Shankira*⁵ daripada ajaran kerohanian agama Hindu. Pengaruh ini dapat dilihat pada banyak elemen kepercayaannya seperti Tuhan wujud pada semua kejadian di alam ini dan penggunaan beberapa terma Hindu dalam perbincangan ajarannya. Di samping itu, pengaruh lain yang turut serta mempengaruhi cetusan wujudnya ajaran kerohanian yang berbentuk universal ini adalah disebabkan persekitaran kehidupannya. Beliau telah dibesarkan bersama datuknya; Maula Bakhsh yang amat terkenal sebagai ahli kerohanian, penyanyi, ahli muzik dan ahli puisi pada masa itu. Rumahnya sentiasa dikunjungi oleh orang ramai yang berlatar belakangkan pelbagai jenis agama, bangsa dan budaya. Beliau telah melihat hubungan keharmonian tersebut berjalan dengan baik bermula daripada dirinya kecil sehinggalah kematian datuknya. Maka, ilham yang tercetis dari Barat, inspirasi daripada tarekat *Nizamiyyah* dan kerohanian Hindu, pengaruh hidupnya bersama datuknya dan sokongan kuat daripada Gurunya adalah tenaga pencetus dan penggerak buat Inayat merealisasikan satu ajaran *Universal Sufism* yang dapat diterima oleh semua manusia di dunia ini secara amnya dan orang-orang Barat secara khususnya. Justeru itu, ia tidaklah menghairankan apabila beliau sering mendakwa bahawa ajaran *Universal Sufism* beliau adalah ajaran kerohanian yang menepati kehendak semua orang tanpa mempunyai sebarang batasan yang menghalanginya terutamanya orang Barat.

Inayat telah meletakkan matlamat-matlamat yang tersendiri pada ajaran *Universal Sufism* bagi menjadikannya sebagai sebuah ajaran yang memenuhi impian Gurunya dan juga dapat diterima ramai. Matlamat pertama ajarannya ialah untuk menyebarkan ilmu perpaduan dan cintakan agama serta kebijaksanaan di kalangan manusia. Bagi Inayat, beliau percaya bahawa ajaran kerohaniannya perlu menyedarkan semua manusia bahawa mereka perlu bersatu dan hidup dengan aman dan harmoni kerana mereka diciptakan dengan penuh kebaikan. Begitu juga dengan kesedaran manusia tentang agama dan kebijaksanaan, di mana beliau yakin bahawa mereka semua perlu disedarkan untuk lebih memahami dan menghargai agama yang dianuti dan kebijaksanaan yang dikurniakan Tuhan pada mereka. Manakala matlamat kedua pula ialah Inayat mengharapkan sikap prejudis dan pandangan negatif kepada agama dan budaya orang lain dapat dikikis. Matlamat tersebut dilihat oleh Inayat sebagai satu tujuan yang murni dalam memupuk toleransi dan membina keharmonian antara para pengikutnya secara khususnya dan seluruh manusia secara umumnya. Kemudian, bagi merealisasikan semua matlamat ajarannya dapat dicapai dengan baik dan berkesan, maka, Inayat telah melaksanakan pelbagai strategi yang proaktif seperti menerbitkan buku-buku tentang ajaran kerohaniannya, mengadakan pelbagai kem cuti sekolah musim panas, kuliah dan menubuhkan gerakan ajaran kerohaniannya yang dikenali sebagai '*the International Sufi Movement*'.

Umumnya, ajaran *Universal Sufism* yang diasaskan oleh Inayat ini adalah suatu ajaran yang bertitik tolak daripada kesedarannya untuk memperkenalkan satu ajaran

³Tarekat sufi yang telah diasaskan oleh Khwajah Muin al-Din Hasan (m. AD 1236)

⁴Satu daripada enam sistem ortodok Falsafah India, diguna pakai pada kebanyakan sekolah moden India. Ia adalah kitab ringkasan daripada kitab Veda, yaitu kitab suci tertua untuk penganut agama Hindu.

⁵Seorang ahli falsafah dan ahli agama Hindu, pelopor terkenal kepada falsafah Advaita Vedanta, yang mana ianya mencetuskan doktrin pemikiran India moden.

kerohanian pada orang Barat agar kedamaian dan ketenangan hidup dapat mereka rasai. Dorongan Guru kerohaniannya, suasana pembesarannya di rumah datuknya dan pengaruh tarekat *Chistiyyah* yang pernah disertai telah mendorongnya untuk membentuk satu ajaran kerohanian yang dapat diterima oleh semua manusia tanpa mengira agama, bangsa, negara dan keturunan.

Doktrin Ajaran *Universal Sufism*

Ajaran *Universal Sufism* mempunyai doktrin yang tertentu, di mana semua doktrin tersebut adalah gabungan daripada agama-agama utama dunia seperti Islam, Kristian, Yahudi dan Zoroaster. Doktrin utama ajaran ini ialah Sepuluh Pemikiran Sufi (*the Ten Sufi Thoughts*), yang mana ia wajib dipegang dan dipercayai oleh sesiapa sahaja yang ingin memasuki ajaran kerohanian universalnya kerana ia adalah asas kepercayaannya dan gambaran kepada seluruh aspek ajaran *Universal Sufism*.

Ajaran *Universal Sufism* mempercayai kepada Tuhan Yang Maha Satu, Tuhan Maha Besar dan Esa. Tuhan tersebut dipercayai melebihi tuhan-tuhan yang dianuti dalam setiap agama yang ada di dunia ini. Menurut pandangan Inayat, Tuhan ini ialah Tuhan Mutlak yang mana Dia adalah Roh Yang Maha Mengetahui dan Dia mempunyai sifat Bijaksana secara azali. Di samping itu, ajaran ini percaya bahawa Tuhan tersebut adalah untuk semua manusia dan segala ciptaan di muka bumi. Oleh sebab itu, Inayat nyatakan bahawa rahmat Tuhan tersebut melimpahi pada semua makhluk tanpa mengira bangsa dan keturunan, sebagaimana kata-katanya:

“Wahai Orang-orang yang dikasihi Tuhan, walaupun kamu berasal daripada pelbagai bangsa, fahaman, atau negara, namun, Tuhan tetap kasih pada kamu. Kamu mungkin seorang yang beriman atau tidak beriman pada Tuhan, tetapi Dia tidak pernah peduli. RahmatNya meliputi semua makhluknya tanpa beza kawan atau lawan”.⁶

Maka, kepercayaan sebegini telah menampakkan bahawa ajaran *Universal Sufism* mempunyai kepercayaan kepada Ketua Tuhan (*Godhead*), yaitu Tuhan Yang Maha Mutlak Satu, melangkaui tuhan-tuhan yang dianuti dalam agama Islam, Kristian, Yahudi dan Hindu.

Di samping itu, ajaran *Universal Sufism* juga gambarkan konsep Tuhan sebagai *Nur-Zahoor* (cahaya yang boleh memanifestasikan). Inayat jelaskan konsep Tuhan tersebut dengan perumpamaan Tuhan seperti *Nur* yang menjadi pusat cahaya kepada semua sinaran, atau dengan kata lain, beliau mengibaratkan konsep Tuhan tersebut sebagai matahari, yaitu pusat cahaya kepada semua sinaran cahaya yang menyimbah ke seluruh alam ini. Sinaran cahaya itu dipercayai terhasil daripada proses manifestasi matahari daripada dirinya sendiri. Maka, matahari dikatakan dapat membentuk pelbagai bentuk, rupa dan ciptaan daripada sinaran tersebut. Begitu juga dengan Tuhan yang dipercayai telah memantulkan Dirinya Sendiri untuk membentuk manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain lagi⁷. Kemudian, konsep manifestasi tuhan yang telah digambarkan oleh

⁶ Inayat Khan, *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Pny. Barrie & Jenkins. Vol. 5. (Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement, 1973).

⁷ *Ibid.*

Inayat itu telah dinyatakan juga berada dalam konsep ‘*La ila hailla Allah*’ (Tiada Tuhan selain Allah). Inayat menyifatkan konsep tersebut mengandungi pengiktirafan secara tidak langsung bahawa tiada yang sebenarnya pada alam semesta ini melainkan Tuhan Yang Satu. Konsep syahadat tersebut dinyatakan sebagai satu gambaran yang kukuh bahawa setiap kejadian di alam ini sama ada malaikat, jin, manusia, tumbuh-tumbuhan, binatang dan lain-lain lagi merupakan Tuhan pada hakikatnya kerana semuanya berasal daripada proses manifestasi Tuhan. Maka, Inayat menegaskan bahawa manusia sepatutnya tidak ragu-ragu untuk memegang kepada idea ‘Tuhan adalah semua dan semua itu adalah Tuhan’.⁸

Pegangan kedua pula ialah pengikut ajaran ini wajib percaya kepada ‘Nabi atau Guru Satu’ (*Master-ideal*). Nabi Satu tersebut digambarkan sebagai sesuatu yang tidak berbentuk, tidak bernama, tidak dilahirkan dan tidak mati. Semua nabi yang bermula daripada Nabi Adam hinggalah Nabi Muhammad adalah jelmaan kepada Guru yang satu ini. Guru ini dipercayai muncul dalam pelbagai rupa dan nama seperti Muhammad, Buddha, Shiva, Krishna, Rama, Ibrahim, Isa ataupun Musa mengikut zaman dan tempat. Setiap daripada mereka dikatakan memiliki ‘*the spirit of guidance*’ di mana Tuhan sentiasa bercakap menerusi jiwa yang terpilih ini. Oleh sebab itu, Inayat telah tegaskan bahawa Nabi tersebut adalah Tuhan menurut kesedarannya walaupun menurut kaca mata dunia, dia adalah manusia biasa yang diutuskan untuk menyampaikan ajaranNya kepada manusia kerana jiwanya adalah Guru yang abadi.⁹

Seterusnya, ajaran Inayat ini juga percaya kepada satu kitab yang paling suci dan asli serta sempurna yang mengajar tentang undang-undang kehidupan (kerohanian) manusia. Ia dikatakan berperanan sebagai cahaya kepada setiap manusia. Ia disifatkan oleh Inayat sebagai sebuah kitab yang tidak tertulis dalam mana-mana kertas atau buku, tetapi ia mampu dibaca dengan sendirinya oleh mereka yang celik mata hatinya. Kebenaran yang terkandung dalamnya dipercayai sama dengan kebenaran yang terkandung dalam al-Quran, Bible, Vedanta, Kabala, Zendavesta dan kitab-kitab lain yang wujud di dunia ini. Malah, kesucian dan kesempurnaannya dikatakan mengatasi kitab-kitab tersebut kerana ia tidak pernah diubah dan dirosakkan oleh tangan manusia.

Ajaran Inayat juga berpegang kepada satu kepercayaan bahawa terdapat satu agama (*One Religion*) yang paling teguh dan ideal yang mampu memenuhi setiap tuntutan jiwa manusia. ‘Agama Satu’ tersebut dipercayai sebagai satu jalan yang memandu manusia untuk mencapai kesempurnaan diri dan jalan kepada kesatuan (*unity*) seluruh manusia. Ia dikatakan dapat dicapai melalui dua kaedah yaitu yang pertama, seseorang itu perlu melihat dirinya berada dalam diri orang lain sama ada dalam situasi baik atau buruk dan dia harus kekal melakukannya sehingga dapat bersatu dengan Tuhannya. Dengan kata lain, Inayat menyarankan para pengikutnya supaya senantiasa bertoleransi dan cuba memahami situasi orang lain dengan sebaiknya agar keharmonian dan keamanan dapat dicapai dengan sempurna. Oleh sebab itu, kebanyakan para pengikut ajaran Inayat ini disifatkan sebagai orang yang sentiasa berpandangan luas dan mempunyai sikap toleransi yang tinggi dalam

⁸ Inayat Khan, *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Pnyt. Barrie & Jenkins. Vol. 2. (Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement, 1973).

⁹ *Ibid.*

hidup mereka. Manakala kaedah kedua pula, Inayat menyatakan bahawa seseorang itu perlu menguatkan lagi kesedaran tentang kewujudan Zat yang Maha Berkuasa dan Sempurna dalam dirinya sama ada secara zahir yaitu dengan menjadikan dirinya bersatu dengan yang lain, dan secara batin yaitu meleburkan dirinya kepada kehidupan yang abadi sehingga merasakan tiada yang wujud selain daripada Tuhan. Semua kaedah itu dikatakan mampu membuatkan seseorang manusia itu mencapai kepada hakikat kebenaran yang sebenar atau 'agama satu'. Maka, kepercayaan kepada kewujudan hakikat tersebut telah menyebabkan beliau percaya bahawa semua agama yang wujud di dunia ini juga mempunyai kebenaran yang satu sebagaimana kata-katanya "kebenaran telah memaparkan dirinya dalam pelbagai nama dan bentuk bagi mencapai matlamat yang sebenar".¹⁰ Ini bermakna, Inayat telah menerapkan dalam ajarannya bahawa semua agama dan kepercayaan yang wujud di dunia ini adalah pada asalnya berasal daripada agama tersebut.

Prinsip pegangan ajaran Inayat yang kelima pula ialah percaya kepada undang-undang balas balik (*law of reciprocity*). Pada umumnya, ia disifatkan seperti hukum karma tetapi Inayat Khan lebih suka memanggilnya sebagai 'undang-undang mutlak satu' (*one law*) yaitu undang-undang balas balik (*law of reciprocity*). Undang-undang tersebut dilihat sebagai satu hukuman kepada setiap perbuatan yang salah atau betul. Ia dikatakan adalah undang-undang yang amat mementingkan keadilan untuk setiap manusia kerana ia dapat menyelamatkan manusia daripada kekejaman. Menurutnya, setiap perbuatan itu tidak pernah berlaku secara semulajadi kerana manusia telah diberi kuasa pilihan sepenuhnya untuk memilih sama ada baik atau buruk. Semua perbuatan manusia yang dilakukan pada orang lain dipercayai akan menimpa kembali padanya lambat laung. Oleh sebab itu, Inayat mengumpamakan undang-undang '*reciprocity*' ini seperti sebuah kecubung yang memerlukan seseorang meniup dengan suara yang baik agar dia dapat mendengar kembali bunyi itu dengan bunyian yang baik juga dan begitulah sebaliknya.¹¹

Selain itu, ajaran Inayat berpegang kepada 'satu persaudaraan' (*One Brotherhood*) yaitu penyatuan seluruh manusia di muka bumi ini tanpa wujud sebarang perbezaan dibawah tanggungjawab seorang bapa yaitu Tuhan. Persaudaraan itu dipercayai sebagai sesuatu yang lebih tinggi nilainya kerana ia mengatasi segala hubungan persaudaraan darah, bangsa dan agama. Ia juga dikatakan mengatasi kasta, kelas atau kedudukan dan apa sahaja yang mengatasinya kerana ia adalah hubungan sejagat yang melangkaui semua perkara yang menghalanginya. Kemudian, Inayat mengutuk persaudaraan melalui agama, di mana beliau melihatnya seringkali memecah belahkan manusia sehingga mewujudkan pelbagai kelompok mazhab, puak dan sebagainya. Begitu juga beliau melihat ikatan persaudaraan bangsa yang merangkumi hubungan yang lebih luas tetapi seringkali ia memandang rendah pada bangsa lain sehingga menimbulkan pelbagai konflik dan persengketaan yang akhirnya memecah belahkan manusia. Justeru itu, Inayat menyifatkan hubungan persaudaraan yang dijalinkan dalam ajarannya itu adalah hubungan yang suci kerana ia melangkaui semua batasan yang ada di dunia ini.¹²

¹⁰ Inayat Khan. *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Pnyt. Barrie & Rockliff. Vol. 12. (Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement, 1961).

¹¹ Inayat Khan, *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Vol. 1.

¹² *Ibid.*

Ajaran Inayat juga berpegang kepada satu moral sahaja (*One Moral*) yaitu moral yang terhasil daripada penafian diri (merendahkan nafsu), yaitu cinta dan kasih sayang. Baginya, cinta adalah prinsip moral yang paling utuh dan ia adalah sumber kepada semua moral. Cinta diyakini sebagai elemen asas kepada kelahiran harapan, kesabaran, daya tahan, sikap pemaaf, toleransi dan semua prinsip-prinsip moral lain. Beliau menyatakan lagi bahawa semakin seseorang itu kasih pada orang lain, semakin besar moral berada dalam dirinya. Justeru itu, beliau selalu tekankan kepada para pengikutnya bahawa guru moral yang paling bagus dalam dunia ini ialah cinta dan kasih sayang kerana ia mengajar seseorang itu untuk tidak hanya kasih pada dirinya sendiri tetapi kepada orang lain juga (*I am not, you are*). Dalam hal ini, beliau juga turut menjelaskan lagi tentang sifat 'keakuan', dimana selagi ia masih lagi berada dalam hati seseorang manusia itu, maka, dia sebenarnya tidak memiliki sebarang kasih sayang dalam hatinya. Sebaliknya, jika semua tindak tanduk seseorang itu tidak diikuti oleh sifat 'keakuan', maka, perbuatannya itu dianggap satu kebajikan kerana perbuatan tersebut dipercayai sebagai satu kebenaran.

Seterusnya, ajaran Inayat ini berpegang kepada 'satu perkara sahaja yang perlu dipuji' (*One Object of Praise*) yaitu kecantikan yang muncul daripada hati-hati ahli ibadat menerusi semua aspek sama ada yang dapat dilihat atau pun tidak dapat dilihat. Ia bermakna, 'satu perkara yang perlu dipuji' itu ialah satu kecantikan, di mana kecantikan tersebut terpamer dalam semua benda yang wujud di dunia ini, sehingga ia diumpamakan 'tiada kecantikan melainkan kecantikan sahaja'. Oleh sebab itu, para pengikut ajaran ini sentiasa mendakwa bahawa mereka menyedari wujudnya keindahan dan kecantikan dalam semua objek dan memujanya daripada semua aspek sehingga mereka percaya dapat melihat Tuhan pada setiap apa yang dilihatnya itu. Sekiranya mereka tidak dapat melihat objek-objek tersebut, mereka yakin bahawa semangat atau roh Tuhan wujud pada apa yang tidak dapat dilihat oleh mereka. Bagi Inayat, orang-orang yang mempunyai keindahan penglihatan mata ini dikatakan mewarisi roh ketuhanan kerana mereka mempunyai kecantikan dalam diri sendiri. Orang-orang seperti ini disifatkan sebagai orang yang suka pada kecantikan walaupun pada sesuatu yang tidak cantik pada pandangan orang lain tetapi tidak pada pandangannya. Seterusnya, 'satu perkara yang perlu dipuji' itu dipercayai juga wujud dalam alam ghaib, dimana ia adalah tahap yang lebih tinggi perlu dicapai oleh setiap para pengikut ajarannya. Tahap ini membolehkan seseorang itu menyaksikan kecantikan pada alam ghaib, yang mana ia berpunca daripada pujiannya di alam nyata. Oleh sebab itu, para pengikut ajaran Inayat ini sentiasa diseru untuk menghargai dan memuji setiap kecantikan di alam zahir agar kemudiannya, mereka akan menemui kecantikan di alam ghaib. Apabila keadaan itu terjadi, maka, Inayat menyatakan bahawa seluruh kejadian dunia ini akan disaksikannya dengan penuh kecantikkan dan keindahan yang tiada bandingannya.

Ajarannya berpegang kepada 'satu kebenaran' (*One Truth*) yaitu kebenaran mengenali diri sendiri (*self-knowledge*) sama ada zahir atau batin. Kenali diri sendiri dipercayai sebagai satu ilmu asas untuk berkembang kepada ilmu ketuhanan. Ilmu tersebut dikatakan mempunyai segala jawapan kepada misteri kewujudan manusia secara teori dan praktis, tujuan manusia dilahirkan di dunia ini, ciri-ciri yang dimiliki olehnya sama ada ciri malaikat atau binatang, tempoh kehidupannya sama ada panjang atau pendek dan pelbagai persoalan lagi. Di samping itu, Inayat nyatakan bahawa ilmu tersebut perlu disedari dan

dialami sendiri kerana setiap manusia mampu melakukannya, sebagaimana kata-katanya; "... ia adalah sesuatu yang perlu disadari dan dialami sendiri". Pada lazimnya, ia dikatakan dapat diperolehi oleh manusia melalui kesedarannya yang sempurna, yaitu seseorang manusia itu tahu dan sedar tentang hal ehwal dirinya daripada sekecil-kecil perkara sehinggalah kepada perkara yang paling tinggi tentang kewujudannya.¹³

Ajaran Inayat ini juga percaya kepada 'Satu Jalan' (*One Path*) sahaja yaitu penghapusan segala sifat ego palsu (nafsu buruk) yang wujud dalam diri manusia. Penghapusan nafsu tersebut dilihat sebagai satu-satunya cara untuk mencapai kesempurnaan dan keabadian hidup. Menurut Inayat, sifat ego atau nafsu manusia itu mempunyai dua jenis yaitu ego palsu (nafsu buruk) dan asli (nafsu baik). Ego asli dipercayai sebagai ego Tuhan yang seringkali ditutupi oleh ego palsu manusia. Inayat menyifatkan ego asli tersebut sebagai sesuatu yang menyerap, diam, senyap dan kekal. Manakala ego palsu pula disifatkan sebagai ego yang tidak kekal, palsu, tidak berdaya, aktif dengan pelbagai pengalaman hidup, terkurung dalam badan manusia, menampilkan dirinya dalam pelbagai wajah dan kehendak atau angan-angan yang besar. Pada lazimnya, ia dikatakan dapat dikenali melalui perkataan 'aku' seperti 'aku seorang doktor' dan 'aku seorang menteri'. Kemudian, Inayat nyatakan juga bahawa ego atau nafsu tersebut akan menyebabkan ketidakharmonian kepada pemilikinya dan orang-orang disekelilingnya kerana ia adalah punca kepada ketidaksejahteraan manusia. Justeru itu, beliau melabelkan nafsu tersebut sebagai musuh utama manusia.¹⁴ Justeru itu, Inayat amat menggesa setiap pengikutnya agar membuang segala sifat ego (nafsu buruk) tersebut. Pada lazimnya, beliau berpendapat bahawa kesedaran untuk menghapus sifat-sifat ego tersebut muncul apabila seseorang manusia itu sudah memahami hakikat kehidupannya yang sentiasa dilitupi oleh ego atau nafsu buruk. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa orang yang memperolehi kesedaran tersebut akan terus melakukan pelbagai ibadat seperti meditasi, doa, sentiasa berzikir tanpa mengira waktu dan tempat agar mereka dapat membersihkan diri daripada segala kotoran dan dosa. Apabila ego tersebut dapat dihapuskan, Inayat percaya bahawa seseorang itu dapat mengawal dirinya sendiri dan juga dapat menghapuskan dinding pemisah antara dirinya dengan Tuhan. Hal ini sekaligus dapat membangkitkan ego asli yang sudah lama dilitupi oleh ego palsu dalam dirinya dan seterusnya mencapai kehidupan yang sempurna dan abadi.

Kepercayaan kepada Sepuluh Pemikiran Sufi (*the ten Sufi Thought*) merupakan doktrin yang wajib diimani oleh setiap pengikut ajaran ini kerana doktrin tersebut dikatakan asas kepada ajaran *Universal Sufism*.

Amalan dan ibadat Ajaran *Universal Sufism*

Amalan dan ibadat yang biasa dilakukan oleh para pengikut ajaran *Universal Sufism* terdiri daripada enam belas jenis ibadat. Ia terdiri daripada doa, sembahyang, puasa, zikir dan sebagainya. Kebanyakan doa yang dilakukan oleh para pengikut ajaran Inayat ini diambil daripada kitab *Gayan, Vadan* dan *Nirtan*.¹⁵ Amalan pertama dalam ajarannya ialah sembahyang, dimana ia dipercayai sebagai satu pujian pada Tuhan, dan satu penghargaan

¹³ Inayat Khan. *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Vol. 12.

¹⁴ Inayat Khan, *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Vol. 2.

¹⁵ Semua kitab tersebut adalah himpunan kata-kata Inayat semasa beliau masih hidup lagi.

kepada kecantikan Tuhan yang telah dimanifestasikan dalam pelbagai rupa dan bentuk. Bagi Inayat, sembahyang itu seperti satu latihan bagi melatih jiwa dan hati manusia untuk lebih menghargai setiap kebaikan pada Tuhan dan apa yang diberikan olehNya kepada manusia. Selain itu, beliau juga melihat sembahyang itu sebagai alat untuk membawa manusia kepada Tuhan dengan lebih dekat lagi dan ia juga adalah jalan untuk meletakkan manusia daripada peringkat yang tertentu kepada peringkat yang tidak terjangkau oleh akal fikiran.¹⁶ Dalam ajaran Inayat ini, terdapat beberapa sembahyang khusus untuk para pengikut ajarannya lakukan seperti *Universal Sufi Prayers*’ atau ‘*Confraternity prayers*’. Walaupun begitu, ia juga dikatakan boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja, di mana-mana sahaja, secara berkumpulan atau individu dan secara kuatkan suara atau perlahan. Ia tidak diwajibkan untuk dilakukan tetapi amat disarankan oleh Inayat untuk dilaksanakan oleh setiap para pengikut ajarannya. Dalam ajaran ini, *Universal Sufi Prayers* mempunyai tiga jenis sembahyang yaitu *sunrise prayers (waking prayers)* atau *morning prayers* atau *saum*. Ia terdiri daripada pergerakan tertentu, *invocation*¹⁷, *saum*,¹⁸ *pir*¹⁹ dan zikir ‘*pour upon us Thy Love and Thy Light*’ yang dibaca sebanyak 11 kali atau 33 kali atau 99 kali. *Midday prayers* pula adalah sembahyang yang dilakukan pada waktu tengahari. Ia terdiri daripada beberapa jenis amalan yang perlu dilakukan seperti doa yang dikenali sebagai *invocation*, bacaan doa yang dikenali sebagai *solat*,²⁰ nabi²¹ dan zikir ‘*may the message of God reach*

¹⁶ Inayat Khan, *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Pnyt. Barrie & Jenkins. Vol. 5. (Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement, 1973).

¹⁷ Doa yang berbentuk rayuan

¹⁸ “Praise be to You, Most Supreme God, Omnipotent, Omnipresent, All-pervading, the Only Being. Take us in Your Parental Arms, Raise us from the denseness of the earth. Your Beauty do we worship, To You do we give willing surrender. Most Merciful and Compassionate God, The Idealized Lord of the whole humanity, You alone do we worship, and towards You alone we aspire. Open our hearts towards Your Beauty, Illuminate our souls with Divine Light. O, Perfection of Love, Harmony and Beauty! All-powerful Creator, Sustainer, Judge and Forgiver of our shortcomings, Lord God of the East and of the West, of the worlds above and below, And of the seen and unseen beings. Pour upon us Your Love and Your Light, Give sustenance to our bodies, hearts and souls, Use us for the purpose that Your Wisdom chooses, And guide us on the path of Your Own Goodness. Draw us closer to You every moment of our life, Until in us be reflected Your Grace, Your Glory, Your Wisdom, Your Joy and Your Peace. Amen.” (Inayat Khan 2007), (Vilayat 1974).

¹⁹ Ia telah dikarang oleh Inayat pada awal abad ke20. “*Inspirer of my mind, consoler of my heart, healer of my spirit, Thy presence lifeth me from earth to heaven, Thy words flow as the sacred river, Thy thought riseth as a divine spring, Thy tender feelings waken sympathy in my heart. Beloved Teacher, Thy very being is forgiveness. The clouds of doubt and fear are scattered by Thy piercing glance. All ignorance vanishes in Thy illuminating presence. A new hope is born in my heart by breathing Thy peaceful atmosphere. O inspiring Guide through life’s puzzling ways, In Thee I feel abundance of blessing. Amen.*” (Inayat Khan 2007), (Vilayat 1974).

²⁰ “*Most gracious Lord, Master, Messiah, and Savior of humanity, We greet you with all humility. You are the First Cause and the Last Effect, the Divine Light and the Spirit of Guidance, Alpha and Omega. Your Light is in all forms, Your Love in all beings: in a loving mother, in a kind father, in an innocent child, in a helpful friend, in an inspiring teacher. Allow us to recognize You in all your holy names and forms: as Rama, as Sita, as Krishna, as Rada, as Shiva, as Parvati, as Buddha. Let us know You as Abraham, as Sarah, as Solomon, as Sheba, as Zarathushtra, as Pouruchista, as Moses, as Sarah, as Jesus, as Mary, as Mohammed, as Khadijah and in many other names and forms, known and unknown to the world. We adore Your past, Your presence deeply enlightens our being, and we look for Your blessing in the future. Messenger, Christ, Nabi, the Rasul of God! You Whose heart constantly reaches upward, You come on earth with a message, as a dove from above when Dharma decays, and speak the Word that is put into Your mouth, as the light fills the crescent moon. Let the star of the Divine Light shining in Your heart be reflected in the hearts of Your devotees. May the Message of God reach far and wide, illuminating and making the whole humanity as one single Family in the Parenthood of God. Amen.*” (Inayat Khan 2007), (Vilayat 1974).

far and wide yang dibaca sebanyak sebelas kali. Pada waktu petang pula, para pengikut ajaran ini melakukan ibadat sebagaimana pada waktu pagi dan tengahari, kecuali doa yang dibaca khusus pada waktu itu yang dikenali sebagai *khatum*²². “*Disclose to us Thy Divine Light*” adalah zikir yang perlu dibaca sebanyak sebelas kali selepas bacaan doa di atas. Kemudian, mereka akan membaca doa yang dinamakan *Rasul*²³ pula. Setiap sembahyang yang dilakukan pada setiap waktu akan diakhiri dengan doa yang dikenali sebagai *prayer for the Universel* dan *prayer for peace*. Doa-doa tersebut dikatakan doa untuk kesejahteraan tempat ibadat mereka secara khususnya dan tempat-tempat ibadat semua agama secara amnya, serta ia juga untuk kesejahteraan hidup manusia.²⁴

Di samping itu, mereka juga melakukan ibadat yang dipanggil *Universal Worship* atau ibadat sejagat. Aktiviti tersebut juga dikenali oleh para pengikutnya sebagai ‘*inter-religious ceremony*’ dan ‘*church*’ untuk semua. Ia dinamakan sedemikian kerana ia dikatakan mengandungi pelbagai upacara ibadat daripada pelbagai agama dan ia juga mewakili semua tempat ibadat yang wujud dalam dunia ini. Upacara itu dipercayai sebagai satu medan untuk seseorang itu belajar toleransi, hormat semua kitab suci yang ada di dunia ini dan belajar untuk patuh pada guru agama. Ia juga dikatakan dapat mengajar para pengikutnya supaya tidak mudah putus asa dengan mana-mana agama, tetapi tetap percaya kepada semua agama di dunia ini supaya kesucian agama itu terpelihara dan sentiasa nampak lebih sempurna.

Amalan lain dalam ajaran Inayat ini ialah zikir. Ia dapat dibahagikan kepada dua jenis yaitu yang pertama ialah *singing zikar* dan keduanya ialah *chromatic zikar*. *Singing zikar* melibatkan alunan bacaan ‘*Laa ila ha Illa Allah*’ dan pergerakan tertentu. Seterusnya, jenis zikir yang kedua pula ialah *chromatic zikar*. Ia dilakukan secara beramai-ramai dan mengikut rentak tertentu. Bagi mencapai tujuan universalnya, ia dilakukan dengan menyanyi bacaan-bacaan suci daripada semua agama utama dunia seperti *Bismillahirrahmanirrahim* dan *Astaghfirullah* yang diambil daripada agama Islam, *my house shall be a house of prayer for all people* diambil daripada kitab Bible atau agama Kristian, *om sri ram jai ram jai jai ram om sri ram jai ram o mom* diambil daripada agama

²¹ “*A torch in the darkness, a staff during my weakness, A rock in the weariness of life, You, my Master, make earth a paradise. Yout thought gives me unearthly joy, Your light illuminates my life’s path, Your words inspire me with divine wisdom, I follow in your footsteps, which lead me to the eternal goal. Comforter of the broken-hearted, Support of those in need, Friend of the lovers of truth, Blessed Master, you are the Prophet of God. Amen.*” (Inayat Khan 2007), (Vilayat 1974).

²² “*You Who is the Perfection of Love, Harmony, and Beauty, The Lord of heaven and earth, open our hearts, that we may hear your Voice, which constantly comes from within. Disclose to us your Divine Light, which is hidden in our souls, that we may know and understand life better. Most Merciful and Compassionate God, give us your great Goodness, Teach us your loving Forgiveness, Raise us above the distinctions and differences which divide us, Send us the Peace of your Divine Spirit, And unite us all in your Perfect Being. Amen.*” (Inayat Khan 2007), (Vilayat 1974)

²³ “*Warner of coming dangers, Waker of the world from sleep, Deliverer of the Message of God, You are our Savior. The sun at the dawn of creation, The light of the whole universe, The fulfillment of God’s purpose, You the life eternal, we seek refuge in your loving enfoldment. Spirit of Guidance, Source of all beauty, and Creator of harmony, Love, Lover, and Beloved Lord. You are our divine ideal. Amen.*” (Inayat Khan 2007), (Vilayat 1974).

²⁴ Inayat Khan. *The Dance of the Soul: Gayan, Vadan & Nirtan*. (Delhi: Motilal Banarsidass Publishers, 2007).

Hindu, *ahura mazda* diambil daripada Zoroastrianisme, *namoa midabutsu* diambil daripada agama Buddha dan *she ma yisrael yahuvah el o heyno* diambil daripada Judaisme. Selain itu, mereka juga mengalunkan zikir lain seperti *eh Allah hu, eh Allah hu* dan *will be done on earth as it is in heaven*. Bagi mengindahkan lagi alunan nyanyian mereka, konduktor atau ketua yang mengetuai upacara tersebut akan meminta para peserta untuk menyanyi seperti satu kumpulan koir. Maka, nyanyian daripada pelbagai bacaan suci akan dialunkan serentak dengan merdu dan harmoni.

Seterusnya, ajaran *Universal Sufism* ini juga melakukan *singing wazifa*, yaitu nyanyian yang menyebut nama atau sifat-sifat Tuhan sambil membayangkan dan menggambarkan kualiti Tuhan sebagai sebahagian daripada alam semulajadi. Bagi Inayat, kualiti tersebut dapat dipanggil, dirasai, difahami dan dilihat menerusi bacaan *wazifa*²⁵ yang berulang kali. Selain daripada alunan terma 'Allah' dan 'Hu', *wazifa* juga dilakukan dengan alunan daripada nama-nama Allah yang lain seperti *Ya Hadid, Ya Subhan, Ya Qadir* dan lain-lain lagi. Pada kebiasaannya, ia dilakukan dalam kiraan dua puluh satu kali sahaja untuk setiap alunan zikir tersebut.

Dances of Universal Peace (Tarian keamanan universal) adalah dikatakan tarian mudah, mengandungi pelbagai budaya, berbentuk meditasi dan kerohanian dengan menggunakan mentera atau bacaan-bacaan suci yang diambil daripada semua agama di dunia ini dengan tujuan untuk menolong para peserta yang menyertainya mendapat perasaan sentimental, sayu, harmoni dalam dirinya dan juga harmoni dengan orang lain. Lagu ini digubah daripada pelbagai kepercayaan dan ia diiringi dengan tarian tertentu. Tarian tersebut melibatkan pergerakan memusing-musingkan badan, gerakan badan sambil mendepangkan tangan dan pelbagai lagi pergerakan yang disesuaikan dengan lagu yang didendangkan. Ia dikatakan juga lebih menjurus kepada 'gentle dance'. Ia dilakukan secara berkumpulan dalam bentuk bulatan dan diketuai oleh seorang ketua yang bermain alat muzik seperti drum dan gitar. Setiap kumpulan tarian mempunyai lagu pendek (*chant*) masing-masing yang berbentuk ayat suci seperti *Ya Allah, Isyq Allah Ma'bud Allah* dan *Astaghfirullah*. Ia diiringi bersama melodi tradisional ataupun kontemporari. Ia boleh dinyanyikan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Arab, Sanskrit dan sebagainya lagi.

Semua amal ibadat tersebut seperti sembahyang, zikir, meditasi dan sebagainya lagi merupakan amalan-amalan yang amat disarankan oleh Inayat buat para pengikutnya agar mereka lebih memahami hakikat kesejagatan yang ingin ditonjolkan dalam ajarannya. Ini disebabkan kerana setiap amal ibadatnya tersebut dikatakan mempunyai elemen-elemen kesejagatan yang tersendiri seperti *Universal Worship* yang mengandungi bacaan daripada kitab-kitab seperti Quran, Bible, Veda.

Penilaian Ajaran *Universal Sufism*

Al-Quran sememangnya sebuah kitab suci yang bersifat sejagat, dimana kesejagatan tersebut merangkumi kesesuaian ajarannya pada seluruh manusia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Dengan kata lain, ia sesuai untuk semua manusia pada bila-bila masa dan di mana sahaja berada. Walaupun al-Quran bersifat sejagat,

²⁵ *Wazifa* adalah kaedah mantera yang menyebut nama-nama Tuhan secara berulang kali dan menumpukan sepenuh tumpuan pada satu sahaja sifat Tuhan (Kamran 2010).

namun, kesejagatan tersebut diasaskan pada prinsip utamanya yaitu ‘tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah’. Al-Quran tetap meletakkan Allah sebagai Tuhan segala-galanya; Dia bukan Ketua Tuhan (*Godhead*) atau Tuhan Kedua atau Tuhan Ketiga, malah Allah Maha Mutlak keesaanNya, tiada lain selain daripadanya. Ia terangkum dalam surah al-Baqarah, ayat 133 dan 163, surah al-Nisa, ayat 171, surah al-Maidah, ayat 73, surah al-An’am, ayat 19, surah Yusuf, ayat 39, surah al-Safat, ayat 4, surah al-Sad, ayat 65, surah al-Zumar, ayat 4, surat al-Mu’min, ayat 16, surah al-Fussilat, ayat 4 dan surah al-Ikhlash, ayat 1. Semua ayat Quran tersebut secara jelasnya menyatakan keesaan Allah, dan ia secara tak langsungnya juga, menolak secara mutlak setiap kepercayaan yang mempercayai ada Tuhan selain Allah. Kemudian, konsep ketuhanan dalam Islam meletakkan Allah adalah Tuhan seluruh makhluk dan Dia sahajalah yang layak disembah, dipuji, tempat meminta dan mengadu oleh semua makhluk. Ia disokong oleh banyak ayat Quran yang menjelaskan tentangnya. Antaranya, surah al-Mu’min, ayat 66: “Katakanlah (ya Muhammad): “Sesungguhnya aku dilarang menyembah sembah yang kamu sembah selain Allah setelah datang kepadaku keterangan-keterangan dari Tuhanku.” Selain itu, terdapat berpuluh-puluh ayat Quran yang membicarakan tentangnya seperti surah al-Fatihah, ayat 5, surah al-Imran, ayat 64, surah al-Zumar, ayat 14, surah al-An’am, ayat 56, surah al-Taubah, ayat 31 dan lain-lain lagi. Ini bermakna bahawa al-Quran secara jelas telah menerangkan bahawa Allah sahaja Tuhan yang dilayak diimani dan disembah kerana keesaanNya dan kesempurnaanNya. Pada masa yang sama, al-Quran sekaligus menolak setiap ajaran kerohanian yang mempercayai kepada Ketua Tuhan (*Godhead*).

Al-Quran telah menyatakan bahawa manusia telah dijadikan oleh Allah dengan pelbagai bangsa, keturunan dan warna kulit agar mereka dapat berkenal-kenalan dengan baik, sebagaimana firman Allah, “Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenali.” (Surah al-Hujurat:13) Perbezaan manusia ini menunjukkan bahawa Allah sememangnya meraikan kepelbagaian, tetapi dalam neraca ketauhidan Allah sahaja. Islam secara asasnya menghormati manusia yang pelbagai bangsa, agama dan keturunan, tetapi tidaklah sehingga menerima kepercayaan dan amalan agama atau kepercayaan mereka sebagai sebahagian daripada kepercayaan dan amalan umat Islam. Hal ini disebabkan kerana al-Quran sudah menegaskan bahawa “Katakanlah: hai orang-orang kafir, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukku agamaku.” (Surah al-Kafirun:1-6)

Di samping itu, kepercayaan ajaran *Universal Sufism* yang mempercayai bahawa hanya jalan kerohanian sahaja dapat mencapai Tuhan adalah sesuatu yang sangat bersalahan dengan al-Quran. Ini disebabkan kerana pegangan tersebut menandakan bahawa ajaran Inayat ini sememangnya menolak kepentingan akidah dan syariah Islam, sedangkan al-Quran meletakkan syarat utama buat semua orang Islam, supaya berpegang dengan Islam secara menyeluruh, sebagaimana firman Allah Taala; “Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu kedalam Islam keseluruhannya, dan janganlah kamu turut

langkah-langkah syaitan.” (Surah al-Baqarah:208). Hakikatnya, terdapat banyak ayat Quran yang berkisar tentangnya seperti surah al-Baqarah, ayat 132, surah al-Imran, ayat 19, 20, 80, 85 dan 102, surah al-Maidah, ayat 3, surah al-An’am, ayat 125, surah al-Taubah, ayat 74, surah Yusuf, ayat 101, surah al-Hijr, ayat 2, surah al-Zumar, ayat 22, al-Saf, ayat 7 dan surah al-Qalam, ayat 35. Semua terma Islam yang diungkap dalam setiap ayat al-Quran tersebut pada hakikatnya melambangkan kepada tiga dasar utama yaitu akidah, syariah dan akhlak. Maka Secara logiknya, penolakan kepada kedua-dua aspek tersebut dan penerimaan kepada jalan kerohanian sahaja adalah sesuatu yang tidak masuk akal kerana ironinya, mana mungkin seseorang dapat mencapai kemuncak gunung tanpa mendaki daripada bawah gunung terlebih dahulu. Dengan kata lain, seseorang manusia itu perlu mendalami dan menguasai akidah dan syariah Islam dengan sebaiknya agar perjalanannya di kemuncak tersebut tidak akan tersasar daripada landasan yang sebenar.

Justeru itu, al-Quran sebagai sumber asas rujukan Islam telah menyatakan dengan jelas bahawa apa-apa ajaran yang berbentuk sejagat sehingga melewati asas tauhid dan syariah adalah tidak benar dan tidak sah di sisi Islam.

Kesimpulan

Maka, ajaran Inayat ini dapat disimpulkan sebagai satu ajaran yang amat bertentangan dengan agama Islam kerana ia menolak kandungan syariat dan prinsip pegangan akidah agama Islam secara langsung atau tidak langsung. *The Ten Sufi Thoughts* mengandungi pegangan-pegangan yang nyatanya berlawanan dengan rukun Islam dan rukun iman kerana ia menolak keesaan Allah dan meletakkanNya sama kedudukan dengan tuhan-tuhan yang dianuti dalam agama lain seperti *Gott, Dieu, Khuda, Brahma* dan *Baghwan*. Begitu juga dengan penjelasannya tentang konsep Tuhan seperti *Noor Zahoor* dan manifestasi, semuanya sangat bersalahan dengan konsep Tuhan dalam Islam sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam Quran dan juga hadis-hadis Nabi. Di samping itu, ajarannya juga menolak kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. dan nabi-nabi lain juga kerana mendakwa mereka adalah jelmaan kepada Guru Satu’ (*Master-ideal*). Pengikut ajaran *Universal Sufism* ini juga hanya percaya kepada *The Holy Book* yaitu satu model kitab yang utuh dan sempurna yang mengajar tentang undang-undang kehidupan (kerohanian) sufisme manusia. Ini bermakna, mereka juga menolak keunggulan al-Quran sebagai kitab Allah untuk panduan umat manusia akhir zaman. Dalam hal ini, pegangan Inayat terserlah lagi apabila beliau mengumpamakan kedudukan *The Holy Book* dan kitab-kitab lain (*Vedanta, Zendavesta, Kabala, Bible, Quran*) seperti kolam kecil dan laut. Kitab-kitab lain diibaratkan seperti kolam-kolam kecil dan ‘*The Holy Book*’ tersebut diibaratkan seperti laut yang terbentang luas. Selain itu, amal ibadat dalam ajarannya juga amat bertentangan dengan amalan ibadat dalam Islam kerana skop yang digunakan amat luas matlamatnya dan pergerakannya seperti sembahyang yang dilakukan. Ia mengandungi semua pergerakan tertentu yang diambil daripada ibadat-ibadat utama dalam setiap agama utama di dunia ini. Begitu juga dengan amal ibadat lain yang mengandungi banyak unsur-unsur khurafat dan syirik seperti *Universal Worship* dan *Ritual*. Maka, ajaran *Universal Sufism* dapat dikatakan sebagai satu ajaran pluralisme kerohanian, yang mana

kemunculannya telah mengganggu gugat akidah dan kepercayaan sesetengah umat Islam di sesetengah negara Islam.

DAFTAR KEPUSTAKAAN

- Ibrahim, Abdul Fatah Haron. *Ajaran sesat*. Kuala Lumpur: Masa'dah Sdn. Bhd, 1993.
- Al-Ghazalī. *Al-Munqiz min al-Ḍalāl*. Pnyt. Abd. al-Halim Mahmud . Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, 1979.
- Al-Ghazalī. *Ihyā' 'Ulumuddīn*. Diterjemahkan oleh Tgk. H. Ismail Yakub. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi, 1988.
- Graham, Donald A. Spreading the wisdom of Sufism: the career of Pir-o-Murshid Inayat Khan in the West. Dalam Pirzade Zia Inayat Khan (pnyt.). *A pearl in wine*. Hlm.127-160. New Lebanon: Omega Publications, 2001.
- Inayat Khan. *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Pnyt. Barrie & Rockliff. Vol. 3,4, 11. Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement, 1961.
- Inayat Khan. *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Pnyt. Barrie & Jenkins. Vol. 1,2,5,6,7,8,10,12. Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement, 1973.
- Inayat Khan. *The soul whence and whither*. New York: Sufi Order Publications, 1977.
- Inayat Khan. *The Complete Works of Pir-O-Murshid Hazrat Inayat Khan*. London: East-West Publications, 1988-1990.
- Inayat Khan. *The dance of the soul (Gayan, Vadan & Nirtan)*. Delhi: Motilal Banarsidass Publishers, 2007.
- Inayat Khan, Vilayat. 1974. *Toward the one*. Penyt. The staff of toward the one. London: Harper Colophon Books.
- Kamran, Aftab Talat. *Hazrat Inayat Khan: Sufi Meditation*. Istanbul: Okyanus Yayıncılık ve Yapımcılık Ltd.Stl., 2010.
- Mahmood Khan. *Mawlabakhshi Rajkufu A'lakhandan:the Mawlabakhsh dynastic lineage, 1833-1972*. Dalam Pirzade Zia Inayat Khan (pnyt.). *A pearl in wine*. Hlm.65-126. New Lebanon: Omega Publications, 2001.
- Sirkar Van Stolk & Daphne Dunlop. *Memories of a sufi Sage Hazrat Inayat Khan*. Ed. Ke-2. Holland: East-West Publications Fonds, 1975.
- Al-Taftāzanī, Abū al-Wafā' al-Ghanīmī. *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islamī*. Kaherah: Dār al-Ṭawafah, 1976.